


10j tan metrik bauksit disita

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menyita keseluruhan simpanan stok bauksit di Pahang, untuk menghalang bahan itu dibawa keluar dari tempat penyimpanannya bagi tujuan perniagaan atau sebagainya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki berkata, penyitaan mengikut Seksyen 33 Akta SPRM 2009 dan sekiranya terdapat mana-mana pihak melanggar arahan notis berkenaan, maka ia telah melakukan kesalahan di bawah akta tersebut dan boleh dihukum mengikut Seksyen 69 akta sama.

"Sita melibatkan seluruh

 Sita melibatkan seluruh simpanan stok yang berada di tanah-tanah kerajaan dan persendirian di kawasan yang telah dikenal pasti di negeri itu." - Azam

simpanan stok di tanah-tanah kerajaan dan persendirian di kawasan yang telah dikenal pasti di negeri itu.

"Sehingga kini, dianggar lebih 10 juta tan metrik bauksit yang telah dilombong dan disimpan di beberapa lokasi di Pahang," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga mencadangkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar agar meng-

kaji semula pengeluaran permit kelulusan (AP) kepada pengusaha lombong bauksit dan membatalkan semua AP yang telah dikeluarkan sebelum ini.

"Penyitaan ini perlu bagi membantu SPRM jalankan siasatan isu perlombongan haram bauksit.

"SPRM juga akan pantau sebarang eksport bauksit di Pelabuhan Kuantan," katanya.